	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA		
	No. Keluaran : 02	No. Pindaan: 00	Tarikh: 3 Jan 2023
DOA.PK(S).04.PPP			
KAWALAN PERKHIDMATAN TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI			

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan proses kawalan ke atas produk atau perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Wakil Pengurusan (WP) dalam mengendalikan produk atau perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan supaya ianya tidak berlaku lagi.

3.0 RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian

4.0 DEFINISI

4.1 Perkhidmatan Tidak Memenuhi Spesifikasi

Merangkumi ketidakakuran yang berlaku dalam proses penghasilan produk atau perkhidmatan akibat tidak mematuhi prosedur, peraturan yang didokumenkan dan ciri-ciri kualiti yang ditetapkan.

4.2 Pegawai Yang Bertanggungjawab (PYB)

Terdiri daripada pegawai-pegawai berikut :

1. Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan yang memantau latihan Pegawai Bidang Khas oleh Jurulatih Pakar
2. Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian
3. Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Pengembangan) yang memantau Latihan Agen Pengembangan
4. Pegawai Latihan Negeri yang terlibat dalam Latihan Agen Pengembangan
5. Pegawai Pertanian Daerah yang memantau pelaksanaan Lawatan Pengembangan

5.0 SINGKATAN

WP	-	Wakil Pengurusan
PB	-	Pengarah Bahagian
PPN	-	Pengarah Pertanian Negeri
PBPMI	-	Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

No. Keluaran : 02

No. Pindaan: 00

Tarikh: 3 Jan 2023

Muka Surat: 3 / 5


DOA.PK(S).04.PPP

KAWALAN PERKHIDMATAN TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI

TPBPMI	-	Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
TPBPP	-	Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian
TPPN	-	Timbalan Pengarah Pertanian Negeri
PYB	-	Pegawai Yang Bertanggungjawab
MKSP	-	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
BPMI	-	Bahagian Pembangunan Modal Insan

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan	
WP / PYB	6.1	WP / PYB bertanggungjawab untuk memantau penyampaian perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dan rekodkan ketakakuran berdasarkan laporan audit dan pemantauan berterusan.
PYB	6.2	Sediakan maklumat mengenai ketakakuran yang berlaku dan kemukakan kepada WP / PPN / PBPMI melalui Ketua Bahagian / Unit masing-masing untuk tentukan tindakan bagi mengatasi ketakakuran.
PYB	6.3	Maklumkan tindakan yang telah diambil dan tindakan yang memerlukan keputusan WP / MKSP.
WP	6.4	Teliti semua ketakakuran dan ambil tindakan berikut : a. Membuat keputusan bagi ketakakuran di bawah bidang kuasanya. b. Melaporkan dalam MKSP.
PYB	6.5	Laksanakan keputusan MKSP.
PYB	6.6	Pantau pelaksanaan bagi memastikan ketakakuran tidak berulang.
WP	6.7	Bentangkan status tindakan yang telah diambil dalam MKSP yang berikutnya.

	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA		
	No. Keluaran : 02	No. Pindaan: 00	Tarikh: 3 Jan 2023
DOA.PK(S).04.PPP KAWALAN PERKHIDMATAN TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI			

7.0 REKOD KUALITI

Bil.	Rekod kualiti	Lokasi	Tempoh penyimpanan
1.	Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Ibu Pejabat	3 Tahun
2.	Laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Ibu Pejabat	3 Tahun



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

No. Keluaran : 02

No. Pindaan: 00

Tarikh: 3 Jan 2023

Muka Surat: 5 / 5

DOA.PK(S).04.PPP

KAWALAN PERKHIDMATAN TIDAK MEMENUHI SPESIFIKASI

8.0 CARTA ALIRAN

